

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN PEGUAM-PEGUAM
MUSLIM MALAYSIA

TEMPAT: HOTEL REGENT, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 23 FEB 1991

MASA:

Yang Amat Arif Tun Dato' Abdul Hamid bin Haji Omar,
Ketua Hakim Negara;

Yang Berbahagia Encik Mohd Zaid Ibrahim,
Presiden, Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Peguam-
peguam Muslim Malaysia kerana menjemput saya ke majlis ini
yang bertujuan untuk merapatkan lagi tali silaturahim antara
para ahli. Saya percaya Persatuan ini akan sentiasa
bergerak aktif di samping memberi sumbangan kepada
masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Negara kita memilih pentadbiran demokrasi berparlimen
kerana kita percaya kepada keputusan suara terbanyak atau
suara majoriti. Seberapa yang boleh kita inginkan konsensus
mengikut adat resam kehidupan kita dan juga mengikut agama
Islam. Kita harus ingat bahawa tokoh yang mengambil tempat
sebagai pemimpin Islam selepas wafatnya Nabi Muhammad
s.a.w., juga dipilih melalui suara ramai dan bukannya
berasas kepada keturunan. Kita di Malaysia memilih
demokrasi berparlimen kerana selain daripada sesuai dengan
agama kita, ia juga telah terbukti sebagai sistem yang
terbaik.

3. Kita juga menerima sistem di mana wujud pembangkang
untuk mengemukakan hujah dan pendapat yang berlainan
daripada kerajaan supaya bandingan dapat dibuat dan
keputusan yang seadil-adilnya dapat dirumuskan. Institusi
pembangkang ini telah diterima oleh masyarakat kita walaupun
kadang-kadang pihak pembangkang tidak faham akan peranan
mereka. Namun kita tidak mahu kepada keadaan di mana tidak
ada pembangkang sama sekali seperti yang terdapat di
sesetengah negara lain.

4. Kita juga menerima hakikat bahawa dengan mengamalkan
sistem demokrasi berparlimen rakyat berhak menentukan siapa
yang menubuhkan kerajaan. Kita menerima hakikat bahawa
suara majoriti mesti dihormati. Dalam erti kata yang lain,
sesudah rakyat membuat pemilihan di pilihanraya, suara
majoriti ini mesti dihormati dan mereka yang dipilih berhak
memerintah sehinggalah pemilihan diadakan sekali lagi,
walaupun dalam tempoh masa itu rakyat menukar pendirian

mereka dan mungkin berasa bahawa mereka telah tersilap pilih.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kita telah mencapai kemerdekaan hampir 34 tahun dan kerajaan telah berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi berbagai-bagai rancangan pembangunan. Dalam mengejar pembangunan dan kemajuan, tekanan juga diberi kepada pembangunan rohaniah kerana negara memerlukan masyarakat yang sama maju daripada segi rohani dan jasmani. Rakyat juga digalakkan supaya berdikari dan berfikiran luas tanpa bertindak berasaskan emosi. Tanpa fikiran yang waras dan perancangan yang berasaskan logik dan nilai-nilai Islam, kita bukan sahaja tidak akan mencapai kemajuan tetapi juga kita akan menjadi lemah dan tertindas.

6. Bukanlah maksud saya menyarankan bahawa semua anggota masyarakat perlu bertindak sebagai peguam, tetapi budaya berfikir dengan waras ini perlu menjadi panduan masyarakat supaya kita sentiasa meningkat maju dalam semua jurusan hidup. Mencapai matlamat ini memerlukan masa yang panjang dan kesabaran. Sementara itu memang ada elemen-elemen dalam masyarakat kita yang menghalang kita daripada mencapai matlamat yang murni ini. Kita tidak harus kecewa tetapi mestilah terus berusaha bagi mengatasi sebarang halangan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Oleh kerana ahli-ahli Persatuan ini terdiri daripada peguam-peguam yang beragama Islam, peranan yang boleh dimainkan oleh persatuan dan ahli-ahlinya adalah unik dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Sistem perundangan di Malaysia tidak bertentangan dengan ajaran Islam kerana sistem perundangan kita menekankan keadilan, dan keadilan dituntut oleh Islam. Secara kasar, Islam menuntut balasan yang sama dan setimpal dengan jenayah yang dilakukan. Tetapi pengadilan secara Islam dikehendaki juga mengambilkira kesahihan tuduhan dan keadaan yang wujud semasa jenayah dilakukan. Dengan itu Islam memberi pertimbangan yang berat terhadap kredibiliti saksi - iaitu saksi mestilah terdiri daripada orang yang beriman yang tidak selalu membuat kesalahan. Latar-belakang penjenayah juga perlu diambilkira. Jika penjenayah adalah seorang yang miskin dan kebuluran, pencurian yang dilakukannya tidak akan membawa hukuman yang seberat yang ditentukan oleh Islam kepada seorang yang lazim mencuri.

8. Bahaya fitnah ditekankan kerana ramai yang mudah memfitnah kerana kepentingan diri. Demikianlah buruknya fitnah dalam pandangan Islam sehingga Al-Quran meletakkan fitnah sebagai lebih bahaya daripada membunuh.

9. Dalam konteks masyarakat moden dan masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia, orang Islam tidak boleh mengeneipkan hakikat konteks ini. Jika kita berfikir seolah-olah kita berada dalam masyarakat yang seratus peratus Islam 1400 tahun dahulu, maka tindakan dan pengadilan kita mungkin tidak seperti yang dikehendaki oleh

Islam.

10. Zaman sekarang bukanlah seperti zaman Rasulullah s.a.w. dan keadaan di Malaysia bukanlah seperti keadaan di Madinah 1400 tahun dahulu. Jenayah zaman moden ini juga berbeza daripada jenayah di zaman dahulu. Justeru itu perbandingan mestilah dibuat di antara jenayah zaman ini dengan jenayah zaman Rasulullah s.a.w. Di samping itu, pendapat seorang hakim tidak semestinya sama dengan pendapat hakim yang lain. Rujukan kepada tafsiran yang dibuat oleh ulama terkenal dalam sejarah Islam juga mungkin tidak tepat. Dengan itu penilaian baru terpaksa dibuat untuk menentukan apakah hukuman yang sesuai tanpa lari daripada landasan Islam.

11. Memandangkan bahawa biasanya mereka yang arif dalam hukum-hakam zaman dahulu tidak begitu arif dengan keadaan di zaman sekarang, dan memandangkan masyarakat yang tidak terdiri seratus peratus daripada orang Islam, maka adalah menjadi tanggungjawab peguam-peguam Islam di Malaysia mengkaji hukum-hukum Islam dalam konteks zaman moden ini. Ini bukanlah perkara yang luar biasa. Dalam sejarah Islam perbincangan sering dibuat berkenaan hukum Islam terhadap jenayah tertentu oleh orang-orang yang alim dalam berbagai-bagai bidang dan bukan hanya arif dalam ilmu feqah sahaja.

12. Setiap penentuan yang dibuat tetap mendapat kecaman daripada orang-orang tertentu yang tidak senang hati dengan apa yang dibuat oleh orang lain. Tetapi ini adalah perkara biasa sahaja. Janganlah memberi alasan bahawa yang salah ialah orientalis Barat sedangkan kita tidak berani membuat keputusan sendiri yang mengambilkira semua faktor.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Saya juga ingin menyentuh mengenai Perang Teluk dan pendirian Malaysia. Saya ingin berbuat demikian supaya kita tidak terbawa-bawa oleh emosi dan supaya kita tidak dikaburi oleh sentimen dan perasaan yang dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu kerana kepentingan politik dan kepentingan-kepentingan lain.

14. Malaysia menyokong Ketetapan 678 Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyelamatkan Iraq dengan memberi amaran keras bahawa kekerasan akan digunakan jika Iraq tidak keluar dari Kuwait. Kita bersetuju Iraq diberi had masa yang telah ditetapkan kerana rakyat Kuwait ditindas oleh Iraq dan amatlah tidak adil kepada mereka jika Iraq tidak diberi had masa untuk keluar dari Kuwait. Malaysia berpendirian demikian kerana kita sentiasa menentang pencerobohan. Malaysia menentang Amerika Syarikat menceroboh Grenada dan Panama. Malaysia menentang Russia menceroboh Afghanistan. Malaysia kecam Vietnam kerana mencerobohi Kemboja. Malaysia menentang pencerobohan Israel ke atas Syria, Gaza, Tebing Barat Jordan dan Lubnan dan kita mengecam Amerika Syarikat kerana melindungi Israel yang menceroboh. Malaysia pernah diserang semasa konfrantasi oleh regim Sukarno dan kita menerima pertolongan dari Britain dan negara-negara Komanwel tertentu. Amatlah aneh

jika kita tiba-tiba menyokong pencerobohan Iraq ke atas Kuwait dengan alasan bahawa Iraq adalah negara Islam dan Kuwait mendapat pertolongan dari Amerika Syarikat, Britain dan Perancis selepas pencerobohan berlaku. Apakah keuntungan bagi umat Islam jika Kuwait diperintah oleh Iraq dan bukan oleh Raja Kuwait? Jika Iraq ingin memperjuangkan hak orang Islam dan sanggup menghadapi sebarang tentangan termasuk berperang dengan Amerika Syarikat, jalan yang terbaik ialah dengan menyerang Israel dan bukannya Kuwait. Jika kerana menyerang Israel, Iraq diserang balas oleh Amerika Syarikat seluruh dunia Islam akan menyokong Iraq. Iraq melancarkan peluru berpandu ke arah Israel bukan bertujuan menghancurkan Israel dan menolong rakyat Palestin, tetapi sebaliknya hanya bertujuan untuk melibatkan Israel dalam peperangan dan dengan ini Iraq berharap akan mendapat simpati dan sokongan orang Islam.

15. Kerana peperangan ini ramai rakyat Iraq, yang Islam dan yang bukan Islam, terbunuh dan cedera parah. Rakyat Kuwait juga ramai yang terbunuh. Lagi lama perang ini berterusan, lebih ramai lagi rakyat Iraq dan Kuwait akan terbunuh dan cedera. Di samping itu, segala harta Iraq dan Kuwait akan hancur menjadi abu kerana serangan tentera bersekutu. Ratusan ribu juta ringgit harta Iraq dan Kuwait akan hilang.

16. Apakah setelah pengorbanan yang besar oleh rakyat Iraq ini, Iraq akan berjaya dan umat Islam akan menguasai dunia? Hanya mereka yang khayal sahaja akan memikir demikian. Serangan Iraq ke atas Iran yang menyebabkan satu juta umat Islam terbunuh berakhir tanpa menghasilkan apa-apa kepada Iraq.

17. Iran adalah sebuah negara yang lemah. Sebaliknya Amerika Syarikat, Britain serta negara-negara bersekutu jauh lebih kuat daripada Iran. Mereka yang berfikiran waras tentu dapat meramalkan bahawa Iraq tidak mungkin menang. Dengan itu pengorbanan nyawa orang Islam yang disebabkan oleh penaklukan Iraq ke atas Kuwait akan menjadi sia-sia. Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Umat Islam memang sanggup berkorban untuk mempertahankan Islam. Tetapi sebelum pengorbanan dibuat umat Islam harus menentukan sama ada yang dipertahankan oleh mereka adalah kepentingan agama Islam. Jika ianya bukan kerana Islam maka pengorbanan orang Islam akan menjadi sia-sia sahaja. Peperangan di Teluk berpunca daripada penaklukan Kuwait oleh Iraq. Ia boleh ditamatkan dengan Iraq mengeluarkan tenteranya dari Kuwait. Jika akhirnya Iraq dikalahkan dan dikeluarkan dari Kuwait melalui peperangan, kemungkinannya ialah Iraq akan hancur dan tidak akan ada lagi satu negara Islam yang boleh mengimbangi kekuatan Israel. Seluruh Asia Barat akan terletak di bawah telunjuk Amerika Syarikat. Inilah akibatnya penaklukan yang dilakukan oleh Iraq ke atas Kuwait. Apakah untungnya umat Islam kerana peperangan yang tidak berasas ini?

19. Hari ini kita diberitahu bahawa Iraq akan keluar dari

Kuwait tanpa syarat. Keputusan ini dibuat setelah berpuluh ribu rakyat Kuwait dan Iraq terbunuh. Amatlah sia-sianya kematian mereka kerana tidak ada apa-apa pun hasil pengorbanan mereka.

20. Orang Islam mudah digerakkan oleh seruan Islam. Hakikat ini diketahui oleh kita semua yang beragama Islam. Menyedari akan hakikat ini, ramai orang yang berkepentingan tidak segan-segan memperalatkan sentimen keIslaman orang Islam. Dengan memberi alasan bahawa perjuangan mereka adalah untuk Islam, maka mudahlah mereka menarik sokongan bagi diri mereka. Bahawa tidak ada asas keIslaman sama sekali dalam perjuangan mereka, tidak sedikit pun merunsingkan hati kecil mereka. Yang penting bagi mereka ialah sentimen Islam mudah diperalatkan.

21. Kita lihat ini sedang berlaku di Asia Barat. Kononnya peperangan yang dimulakan dengan penaklukan Kuwait oleh Iraq merupakan satu jihad. Dan orang Islam pun tidak menyoal lagi dan memberikan sokongan. Sokongan ini menggalakkan lagi pihak tertentu untuk menjadi lebih degil. Dengan itu maka pemusnahan wilayah orang Islam dan pembunuhan orang Islam berterusan. Ada juga orang bukan Islam yang berpura-pura menyokong pendirian Iraq kerana kononnya ini adalah pendirian Islam. Berhati-hatilah dengan pendirian ini kerana ia akan menjadikan Iraq lebih degil dan dengan itu lebih ramai orang Islam akan terbunuh dan Iraq akan hancur.

22. Malaysia menyeru Iraq keluar dari Kuwait dengan segera supaya akan berkurangan nyawa yang akan terkorban akibat peperangan sia-sia ini. Malaysia juga mendesak Amerika Syarikat dan negara-negara bersekutu supaya menghormati Ketetapan 678 yang tidak mengizinkan Iraq dimusnahkan. Malaysia mendesak semua pihak yang terlibat dalam perang Teluk memberhentikan peperangan dengan segera. Malaysia tidak menyokong sebarang pencerobohan oleh sesiapa pun, sama ada kuasa kecil, kuasa sederhana ataupun kuasa besar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Malaysia aman, alhamdulillah. Masalah kita adalah kecil berbanding dengan masalah di Asia Barat. Yang kita tumpukan ialah kepada keharmonian hidup semua kaum dan pembangunan yang seimbang. Keperluan kita juga kecil, umpamanya kita perlu kepada bumiputera yang cekap dalam semua bidang. Kita memerlukan bumiputera yang berprestij tinggi dan mendalam. Kita juga memerlukan pengurusan yang beramanah, cekap dan canggih dalam semua bidang.

24. Kita harus bersyukur dengan keadaan kita, dan kita gunakan masa kita secara yang boleh memberi kebaikan kepada kita. Peguam-peguam Islam dalam Persatuan ini harus memberi sumbangan ke arah mewujudkan bukan sahaja masyarakat yang maju dan dinamik tetapi juga berusaha ke arah mewujudkan satu negara yang bertamadun tinggi. Tuan-tuan dan puan-puan juga sebagai peguam-peguam Islam harus membuktikan sifat-sifat keIslaman dalam menjalankan tugas supaya imej Islam menjadi lebih baik dalam bidang perundangan dan

keadilan.

25. Saya akhiri ucapan saya ini dengan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Persatuan ini kerana menjemput saya dan isteri saya ke Majlis ini. Saya juga berharap Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia ini akan terus memberikan sumbangan mereka ke arah kemajuan dan kesejahteraan negara.